



Untuk Terbitan Media
12 Disember 2025

SIARAN MEDIA

SEBANYAK 859 JAWATAN KOSONG DIBUKA KHUSUS UNTUK GOLONGAN OKU; INI LANGKAH PROGRESIF PERKESO DALAM MEMPERKUKUHKAN EKOSISTEM KERJAYA INKLUSIF DAN MEMASTIKAN TIADA INDIVIDU KETINGGALAN.

KUALA LUMPUR: Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) sekali lagi mengorak langkah penuh makna dalam landskap inklusiviti negara menerusi penganjuran Karnival LINDUNG Kerjaya MYFutureJobs, suatu wadah yang dikhususkan untuk golongan Orang Kurang Upaya (OKU).

Bertempat di Aloft Kuala Lumpur pada 16 hingga 17 Disember 2025, karnival ini bukan sekadar program padanan pekerjaan; ia adalah gerakan membina harga diri, membuka ruang rezeki, dan mengangkat martabat insan istimewa ke tempat yang selayaknya.

Menurut PERKESO, inisiatif ini lahir daripada tekad bahawa setiap warganegara berhak menikmati peluang ekonomi yang adil dan bermaruah, selaras prinsip “PERKESO LINDUNG Semua”. Sebanyak 859 peluang pekerjaan ditawarkan oleh 24 majikan, membuka pintu seluasnya kepada komuniti OKU untuk melangkah masuk ke alam kerjaya yang lebih cerah.

“Kesemua jawatan ini dikhususkan untuk komuniti OKU, dengan lebih 45 peratus daripadanya melibatkan jawatan bertaraf eksekutif dan pengurusan; suatu gambaran jelas kesungguhan PERKESO dalam menghadirkan peluang yang bukan hanya banyak bilangannya, tetapi tinggi nilai dan kualitinya,” menurut kenyataan PERKESO.

Daripada keseluruhan kekosongan, jawatan itu datang daripada sektor berikut:

- 546 jawatan datang daripada sektor penginapan, perkhidmatan makanan dan minuman
- 123 jawatan dalam sektor perkhidmatan lain
- 64 kekosongan dalam sektor perdagangan borong dan runcit
- 50 jawatan dalam sektor kewangan dan insurans/takaful
- 28 kekosongan dalam sektor pendidikan
- Selebihnya merangkumi 98 peluang pekerjaan merentas beberapa sektor lain.

Ini antara usaha penyantun kerjaya OKU terbesar dianjurkan PERKESO setakat ini di mana PERKESO turut memaklumkan jawatan *Independent Verification Analyst* (IVA) oleh Genashtim Sdn Bhd adalah jawatan dengan tawaran gaji tertinggi yang ditawarkan dalam program kali ini, dengan julat gaji antara RM4,000 hingga RM4,999.

“Maybank, Padini Holdings Berhad, Aeon Co. (M) Berhad, Genashtim Sdn Bhd dan GD Express Sdn Bhd turut berada dalam senarai majikan utama yang sedia menerima pencari kerja OKU yang

berkelayakan untuk menyertai organisasi mereka.

“Rangkaian perkhidmatan sokongan kerjaya komprehensif turut disediakan termasuk kaunseling kerjaya, padanan pekerjaan serta bantuan pembinaan *resume* secara intensif oleh Pegawai Perkhidmatan Pekerjaan khusus untuk mereka yang hadir pada program tersebut.

“Kerjasama strategik juga dijalinan bersama Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) membolehkan pencari kerja OKU menjalani sesi profiling untuk jawatan perkhidmatan awam dan temu duga bagi jawatan MySTEP,” tambah PERKESO.

Pada masa sama, komuniti OKU yang hadir turut berpeluang mendapatkan perkhidmatan pendaftaran Kad OKU dan EPOKU oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), di samping menikmati pameran serta jualan produk OKU dari MENTARI, Bengkel Daya Klang, Pusat Dalam Komuniti (PDK) dan NGO OKU.

Karnival ini turut menampilkan sesi ‘Pocket Talk’ yang mengetengahkan perkongsian inspirasi daripada individu OKU yang berjaya dalam kerjaya masing-masing, selain turut menyediakan Jurubahasa Isyarat bagi menyantuni OKU kategori Pertuturan dan Pendengaran yang hadir ke karnival ini nanti.

PERKESO juga menggalakkan semua pencari kerja OKU untuk membuat pra-pendaftaran di www.myfuturejobs.gov.my/careerfair bagi melancarkan proses kemasukan dan padanan pekerjaan pada hari karnival.

##TAMAT##

Mengenai LINDUNG

LINDUNG ialah penjenamaan semula skim perlindungan keselamatan sosial PERKESO yang dilancarkan pada 22 Ogos 2025 sebagai langkah strategik memperkukuh peranan dalam melindungi rakyat. Pendekatan ini lebih segar, inklusif, mudah diingati dan berimpak tinggi bagi menyampaikan mesej perlindungan sosial secara meluas dan berkesan. Ia bertujuan memperluas capaian, meningkatkan kesedaran serta memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap PERKESO sebagai pelindung utama keselamatan sosial. Di bawah penjenamaan ini, Akta 4 dikenali sebagai **LINDUNG PEKERJA**, Akta 800 sebagai **LINDUNG KERJAYA**, Akta 789 (SKSPS) sebagai **LINDUNG KENDIRI**, dan Akta 838 (SKSSR) sebagai **LINDUNG KASIH**. Maklumat lanjut di www.perkeso.gov.my.

Dikeluarkan oleh:
Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat
12 Disember 2025

Untuk pertanyaan media, sila hubungi
Ikhlil Fatimah Kamal Redzuan
+6019-3273193
fatimah.redzuan@perkeso.gov.my

Ridauddin Daud
+6019-3265772
ridauddin.daud@perkeso.gov.my